

Segi tiga emas Johor Selatan

Kawasan melebihi keluasan negara Singapura bakal jadi kota metropolitan: PM

Oleh Khirul Bahri Basarudin,
Mohd Zin Ali dan Johan Afandi

JOHOR BAHRU: Segi tiga antara mukim Serkat, Kulai dan Pasir Gudang akan dibangunkan sebagai Wilayah Ekonomi Johor Selatan (SJER), setanding kota metropolis terkemuka dunia seperti Hong Kong dan Shenzhen di China.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan, kerajaan akan menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk membangunkan SJER yang meliputi kawasan seluas kira-kira dua setengah kali ganda saiz Singapura itu.

Katanya, jawatankuasa itu, yang akan bertanggung jawab merancang dan memantau pembangunan SJER, akan dipengerusikan bersama oleh

beliau sendiri dan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman.

Perdana Menteri berkata, SJER yang membabitkan kawasan seluas kira-kira 1,500 kilometer persegi dan berhampiran Singapura, akan menjadi enjin pertumbuhan sektor perkilangan bagi negara dan rantau Asean.


"Ketika menghadap Sultan Johor di Istana Bukit Serene di sini, tengah hari tadi (semalam), baginda memberi perkenan dan bertitah supaya pembangunannya dapat dipercepatkan.

"Butiran terperinci akan diumumkan bulan depan," katanya pada sidang media selepas melancarkan kapal mengawal tumpahan minyak, *Seri Endon*, milik Kejuruteraan Asas Jaya Sdn Bhd, di Pangkalan Jabatan Laut di Gelang Patah, dekat sini, semalam.

Abdullah berkata, SJER adalah projek strategik kerana keluasan, nilai tanah yang kompetitif serta kedudukannya berhampiran dengan Singapura selain memiliki infrastruktur baik dan penduduk ramai untuk memenuhi keperluan guna tenaga.

"Kawasan itu akan memperkayakan pelbagai sektor, terutama perkhidmatan, perkilangan, industri, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta logistik, serta dijayakan bersama oleh kerajaan negeri, Persekutuan dan swasta," katanya.

Terdahulu, ketika berucap di hadapan kira-kira 5,000 orang yang menyambut ketibaannya di Lapangan Terbang Sultan Ismail, Senai, Abdullah berkata, pembangunan SJER




LIHAT MUKA 2

FAKTA

Wilayah Ekonomi Johor Selatan (SJER)

- Pembangunan SJER yang diumumkan dalam RMK-9, membabitkan kawasan seluas kira-kira dua setengah kali ganda saiz republik Singapura.
- Merangkumi kawasan segi tiga seluas 22,000 hektar dari Mukim Serkat di barat, ke Pasir Gudang di timur, Kulai di utara dan Johor Bahru di selatan.
- Membabitkan kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Johor Bahru Tengah, Pasir Gudang, Mukim Jeram, Mukim Serkat dan Majlis Daerah Kulai.
- Antara projeknya ialah hab logistik (Senai), Cyberjaya Johor (Kulai), Pelabuhan Tanjung Pelepas (Gelang Patah), pusat pentadbiran baru (Bandar Nusajaya).
- Turut disenaraikan, pembinaan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK), Danga Bay dan Lido Boulevard (Johor Bahru), kompleks petrokimia (Pontian) dan stesen jana kuasa (Tanjung Bin).
- Khazanah Nasional dijangka melabur RM15 bilion untuk pembangunan di kawasan SJER.



PEMIMPIN PRIHATIN: Abdullah bersalaman dengan orang ramai ketika menuju ke tempat letak kereta untuk berucap kepada 5,000 orang yang menyambut ketibaannya di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail, Senai, semalam.